

Lebih 2,000 sertai Larian Northern StatsRun 2023



YB Puan Fadhlina Binti Sidek, Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal telah menyempurnakan program Northern StatsRun 2023, turut hadir YBhg. Datin Seri Rozita binti Talha, Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia.

Seramai lebih 2,000 orang telah menyertai Northern StatsRun 2023 yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Program ini merupakan StatsRun ke-8 yang dianjurkan seumpunya oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan buat julung kalinya diadakan di wilayah utara.

YB Puan Fadhlina Binti Sidek, Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen P047 Nibong Tebal telah menyempurnakan program Northern StatsRun 2023 dengan menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi kategori 10 km. Terdahulu peserta larian telah dilepaskan oleh YB Tuan H'Ng Mooi Lye, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi. Program ini turut dihadiri YBhg. Datin Seri Rozita binti Talha, Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia serta Ketua Jabatan/ Agensi di Daerah Seberang Perai Selatan. (30/10/2023)

<https://www.bernama.com/bm/press/news.php?id=2239713>